




“MEMPERTAHANKAN KEMERDEKAAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA”.1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكًا أَلْمَلِكِ تُؤْتِي أَلْمَلِكَ مَن تَشَاءُ وَتَنْزِعُ أَلْمَلِكَ مِمَّن تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَن تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَن تَشَاءُ بِيَدِكَ أَلْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾</p> <p style="text-align: right;">1</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	3
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	4
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	5
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	6
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Saya berpesan kepada diri saya sendiri dan menyeru kepada sidang Jemaah yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada di dalam rahmat serta mendapat perlindungan Allah SWT demi mencari keredhaan-Nya di dunia mahupun di akhirat.</p>	7
<p>Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “MEMPERTAHANKAN KEMERDEKAAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA”.</p>	8
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Kemerdekaan adalah suatu kebebasan daripada penjajahan dalam segala bentuk, baik penjajahan secara zahir ataupun batin. Umat yang merdeka, ialah mereka yang dapat berfikir dan bertindak dengan waras setiap apa yang dilakukan untuk diri, bangsa atau agama demi kepentingan umat seluruhnya tanpa kkuatir kepada sesiapaupun yang menghalanginya, tiada yang ditakuti kecuali Allah SWT.</p> <p>Kemerdekaan adalah merupakan suatu nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada umat manusia di atas muka bumi-Nya ini. Namun begitu, nikmat kemerdekaan ini bukanlah dapat dirasai sepenuhnya oleh semua golongan manusia.</p>	9

<p>Kita bersyukur, negara kita dapat merayakan kemerdekaan yang ke-60 tahun pada kali ini. Usia ini adalah usia dewasa dan matang yang sewajarnya kita bangun terus mara ke hadapan membina sebuah tamadun, maju dan membangun dari sudut fizikal, mental dan spiritual. Pembinaan negara “Good Governance” bermaksud pemerintah yang baik bukan sahaja menjadi tanggungjawab pemerintah melaksanakannya tetapi ia juga tanggungjawab bersama yang harus dipikul oleh setiap rakyat.</p>	10
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Antara resipi untuk kita mampu bertahan dan dapat meneruskan agenda mempertahankan kemerdekaan bagi negara kita adalah:</p> <p>1. Pengukuhan akidah, syariah dan akhlak Islam mestilah disematkan dalam diri para pemimpin dan rakyat bagi memastikan budaya riddah, maksiat dan penderhakaan kepada Allah SWT tidak wujud lagi. Seharusnya semua lapisan masyarakat hendaklah sentiasa menimba ilmu agama, memahami tauhid, memahami hukum hakam dan sentiasa berakhlak dengan akhlak yang mulia.</p>	11
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Haj ayat 41:</p> <p style="text-align: center;"> الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾ </p>	12
<p><i>“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta menunaikan zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan”.</i></p>	13
<p>2. Keutamaan dalam memajukan negara meliputi segala aspek. Kepimpinan negara dan rakyat hendaklah menjauhan diri daripada jenayah rasuah, pecah amanah dan apa jua penyelewengan. Hendaklah istiqamah dalam membudaya dan mengutamakan tadbir urus yang baik dengan bersikap adil, jujur, berintegriti dan bertanggungjawab dalam setiap pengurusan. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah an-Nisa’ ayat 58 yang bermaksud:</p>	14
<p><i>“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil.</i></p>	15
<p><i>Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat”.</i></p>	16
<p>Sentiasa mengamalkan konsep negara berkebijakan. Kekayaan sesuatu negara hendaklah dikongsikan bersama rakyat. Kerajaan memberi, rakyat mensyukuri. Pemimpin dan rakyat bekerjasama memikul amanah dan tanggungjawab membangun negara bersama-sama. Rakyatnya bersatu, ekonominya maju, menikmati kehidupan bermutu dan kebajikannya tidak terbelenggu. Semua ini akan mengundang rahmat dan berkat daripada Allah SWT</p>	17

<p>seperti firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 96:</p> <p style="text-align: center;"> وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلٰكِن كَذَّبُوْا فَاَخَذْنٰهُم بِمَا كَانُوْا يَكْسِبُوْنَ ﴿٩٦﴾ </p>	18
<p><i>“Dan sekiranya penduduk sesebuah negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) Yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu Kami timpakan mereka Dengan azab seksa disebabkan apa Yang mereka telah usahakan”.</i></p>	19
<p>Kita meyakini sekiranya kita mengikut resipi-resepi yang telah dinyatakan tadi, Insya Allah kita akan mampu dan dapat mempertahankan kedaulatan serta kemerdekaan negara kita buat selama-lamanya.</p>	20
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Sebagai rakyat yang cintakan negara, kita hendaklah sentiasa mempunyai semangat patriotik yang tinggi. Kita hendaklah sanggup berkorban apa sahaja demi mempertahankan agama, bangsa dan negara. Kita juga hendaklah memiliki tekad mempertahankan negara daripada dicerboh oleh musuh dari dalam mahupun luar negara.</p>	21
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 60:</p> <p style="text-align: center;"> وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ ءَعَدُوا لِلَّهِ وَعَدُّوْكُمْ وَءَاخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۗ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾ </p>	22
<p><i>“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu</i></p>	23
<p><i>serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya”.</i></p>	24
<p>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</p> <p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib mengajak kita semua untuk menghayati tausiah berikut:</p>	25

<p>1. Umat Islam hendaklah mempertahankan kemerdekaan berlandaskan akidah dan syariat Allah SWT, seterusnya mensyukuri nikmat kemerdekaan agar ia terus berkekalan.</p> <p>2. Umat Islam hendaklah mengisi kemerdekaan dengan meningkatkan ilmu dan kemahiran serta memajukan ekonomi untuk meningkatkan kualiti hidup.</p>	
<p>3. Umat Islam wajib membebaskan diri dari cengkaman hawa nafsu dan sebarang fahaman serta budaya songsang yang boleh merosakkan kehidupan di dunia dan di akhirat.</p>	26
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ ءَامَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَوْلِيَاؤُهُمُ الطَّاغُوتُ يُخْرِجُونَهُم مِّنَ النُّورِ إِلَى الظُّلُمَاتِ أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ</p> 	27
<p><i>“Allah Pelindung (yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). dan orang-orang yang kafir, penolong-penolong mereka ialah Taghut yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur). Mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Surah Al-Baqarah : 257).</i></p>	28
<p>بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ</p> <p>وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	29
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ</p> <p>إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	30

KHUTBAH KEDUA.31

<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	<p>32</p>
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	<p>33</p>
<p>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT, Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa...</p>	<p>34</p>
<p>...Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan...</p>	<p>35</p>
<p>...keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.</p>	<p>36</p>
<p>Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:</p>	<p>37</p>
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	<p>38</p>
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	<p>39</p>
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَانِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،</p>	<p>40</p>
<p>سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>	<p>41</p>

<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَتِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظَفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	42
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat,...</p>	43
<p>...sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan...</p>	44
<p>...dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini. Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan...</p>	45
<p>...pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia,...</p>	46
<p>...satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana...</p>	47
<p>...dan peliharalah kami daripada ajaran sesat seperti Syiah, Qadyani, dan lain-lain ajaran yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan...</p>	48
<p>...pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, ...</p>	49
<p>... mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	50
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ اللَّهِ،</p>	51
<p>إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۗ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾</p>	52
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ ۖ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	53